


TINJAUAN FISKAL DAN ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN 2023

FISCAL OUTLOOK AND FEDERAL GOVERNMENT REVENUE ESTIMATES 2023



**Kertas Perintah CMD.39 Tahun 2022
MALAYSIA**

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT MENURUT PERINTAH

**TINJAUAN FISKAL DAN
ANGGARAN HASIL KERAJAAN
PERSEKUTUAN 2023**

**KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA**

Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Setiasaha Bahagian,
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 9, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya

Faks: 03-88823881
e-mel: fed@treasury.gov.my

Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Bajet Tahunan.


Edisi 2023 diterbitkan pada 7 Oktober 2022.

Naskhah jualan boleh diperolehi daripada:
www.pnmb2u.com dan MPH Book Store.

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
www.mof.gov.my



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2022
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



KATA PENGANTAR

**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

Persekitaran ekonomi global kekal mencabar berikutan konflik geopolitik yang berlarutan seterusnya mengakibatkan peningkatan harga tenaga serta gangguan rantaian bekalan global. Selain itu, keadaan cuaca ekstrem telah memperlambatkan pelbagai usaha kebanyakan negara membangunkan semula infrastruktur, masyarakat dan perniagaan. Faktor tersebut telah meningkatkan tekanan inflasi serta menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global.

Ekonomi Malaysia telah menunjukkan daya tahan dan prestasi yang melebihi jangkaan dengan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 8.9% pada suku kedua 2022 meskipun berdepan pelbagai ketidakpastian global. Pertumbuhan ini terutamanya dipacu oleh peralihan negara kepada fasa endemik serta permintaan domestik dan luar negeri yang kukuh berlandaskan ekonomi Malaysia yang pelbagai dan terbuka, asas ekonomi yang teguh serta dasar fiskal dan monetari yang baik.

Alhamdulillah, langkah dasar Kerajaan yang responsif dan bersesuaian telah menyumbang dengan ketara kepada pemulihan semula perniagaan dan aktiviti ekonomi. Walaupun peristiwa banjir besar telah berlaku pada Disember 2021 dan Januari tahun ini, namun tindak balas dasar negara membolehkan aktiviti perniagaan dan komuniti kembali normal dengan segera. Di samping itu, pembukaan semula sempadan telah mempergiat perdagangan dan perjalanan yang seterusnya merencanakan aktiviti ekonomi domestik. Perundangan baharu berkaitan anti lompat parti serta bukti jelas kebebasan badan kehakiman kita, mencerminkan integriti dan tadbir urus sistem yang semakin baik seterusnya meningkatkan keyakinan perniagaan dan sentimen pelaburan. Kesemua tindak balas dasar ini telah menyumbang kepada trajektori pertumbuhan ekonomi Malaysia yang diunjur kepada 6.5% hingga 7% pada 2022.

Melangkah ke tahun ketiga Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025, Kerajaan akan memperkukuh langkah bagi merencanakan aktiviti ekonomi dengan memudah cara penerimgunaan teknologi digital yang lebih meluas, meningkatkan produktiviti buruh dan memastikan peluang perniagaan yang lebih baik. Asas makroekonomi kita yang kukuh serta dasar fiskal yang pragmatik, akomodatif dan fleksibel telah mempersiapkan negara untuk mendepani sebarang cabaran persekitaran luaran pada masa hadapan. Seterusnya, pembaharuan dan peluang bertunjangan kemampuan serta prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) akan membantu memastikan bahawa – biarpun dilanda cabaran kini dan masa hadapan – kita akan mencapai cita-cita untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan berteknologi tinggi, Insya-Allah.

Pertumbuhan ekonomi pada 2023 akan dipacu terutamanya oleh penggunaan dan pelaburan domestik. Sektor swasta hendaklah terus memainkan peranan penting dalam menerajui aktiviti ekonomi domestik secara bijaksana dan tangkas untuk mewujudkan kedinamikan yang perlu bagi melonjakkan pertumbuhan. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus menyediakan sokongan infrastruktur, insentif dan pentadbiran yang berkaitan bagi menggalakkan peluang perniagaan dan pelaburan.


Sebagai Kerajaan yang responsif dan bertanggungjawab, kita bertekad untuk meringankan beban rakyat melalui pelbagai langkah yang terkandung dalam Bajet 2023. Kerajaan berikrar untuk membantu golongan rentan dan mengukuhkan jaringan keselamatan sosial di samping mengurus sumber negara secara berkesan dengan memastikan subsidi disasarkan secara strategik kepada rakyat yang amat memerlukannya. Langkah Bajet 2023 juga akan memastikan pemulihan ekonomi yang memberi manfaat kepada semua dengan menyediakan pekerjaan yang lebih baik, pendapatan yang lebih tinggi dan peningkatan peluang pekerjaan untuk #KeluargaMalaysia. Tumpuan kita terhadap pembangunan mampan juga akan membuka ruang kepada pertumbuhan yang saksama dan inklusif demi kemakmuran rakyat dalam jangka masa panjang.

Bagi mendokong Bajet 2023, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mengekalkan kemampuan fiskal dalam mendepani situasi global yang tidak menentu. Usaha ini jelas dicerminkan melalui Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2023 yang menggariskan pengurusan fiskal negara pada 2022 dan unjuran pada 2023. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menyumbang kepada penyediaan dan penerbitan laporan ini.



DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB

7 Oktober 2022



PRAKATA

**MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA**

Negara kini berada di atas landasan pemulihan kukuh ke arah fasa endemik COVID-19 yang ditunjukkan melalui pertumbuhan ekonomi yang lebih baik. Aktiviti domestik kembali rancak, perniagaan secara amnya telah pulih serta pergerakan barangan dan kehidupan orang ramai kembali normal. Perkembangan yang menggalakkan ini dicerminkan oleh pertumbuhan KDNK bagi tiga suku tahun berturut-turut dengan KDNK pada suku kedua 2022 mencatat sebanyak 8.9%. Insya-Allah, momentum ini akan berterusan sehingga akhir tahun disokong oleh pelaksanaan dasar Kerajaan yang responsif, bertanggungjawab dan bersifat pembaharuan demi menjamin kemakmuran negara kita.

Walau bagaimanapun, perkembangan ekonomi global seperti konflik geopolitik yang berterusan, gangguan rantaian bekalan global yang berpanjangan dan kenaikan harga barangan pengguna telah meningkatkan risiko terhadap pemulihan ekonomi Malaysia. Kerajaan telah menambah perbelanjaan subsidi pada tahun ini untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat yang meningkat akibat tekanan inflasi. Tindak balas dasar Kerajaan yang proaktif dalam menyediakan program penstabilan pekerjaan seperti subsidi upah, insentif pengambilan pekerja dan inisiatif pembangunan kemahiran juga telah menambah baik pasaran buruh.

Prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 2023 kekal memberangsangkan meskipun berdepan dengan cabaran global yang ketara seperti tekanan inflasi, ketidaktentuan ekonomi serta perubahan iklim. Justeru, Kerajaan akan terus mengukuhkan sokongan fiskal dan meneruskan pendirian fiskal yang mengembang untuk merangsang aktiviti ekonomi bagi mengekalkan momentum pertumbuhan KDNK yang diunjur antara 4% - 5% pada 2023.


Dasar fiskal Malaysia yang responsif dan bertanggungjawab telah membolehkan Kerajaan menerajui pembangunan ekonomi negara secara konsisten dan mengatasi cabaran COVID-19. Bajet 2023 dirangka untuk menyediakan persekitaran yang kondusif dan memastikan keseimbangan antara keperluan ekonomi dengan konsolidasi fiskal bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi, memupuk agenda kemampanan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Objektif tersebut dapat dicapai dengan memastikan keseimbangan antara perbelanjaan berhemat di samping mencorak masa hadapan melalui rangka kerja fiskal yang pragmatik.

Kerajaan mengutamakan pemulihan pada 2022 dan membina momentum pembaharuan pada 2023 bagi meningkatkan daya saing dan daya tahan negara. Strategi fiskal Kerajaan adalah untuk memperkukuh pemulihan dan menyokong pembaharuan sebagai objektif utama dalam memacu Keluarga Malaysia ke arah kemampanan daya tahan sosioekonomi. Tindak balas dasar Kerajaan juga akhirnya bertujuan menggalakkan tanggungjawab bersama pada setiap peringkat masyarakat dalam memperkasa komuniti perniagaan, masyarakat sivil dan rakyat untuk bekerjasama bagi membina Malaysia yang lebih baik dan mampan.

Kerajaan akan meneruskan usaha konsolidasi fiskal melalui pelbagai langkah termasuk menambah baik tadbir urus fiskal, memperluas asas hasil dan mengoptimumkan perbelanjaan. Langkah seperti Strategi Hasil Jangka Sederhana dan Semakan Semula Perbelanjaan Awam akan menyediakan ruang fiskal tambahan manakala Akta Tanggungjawab Fiskal bakal memperkukuh tadbir urus fiskal dan membolehkan Kerajaan melaksanakan langkah kitaran balas dan mengekalkan daya tahan ekonomi.

Kerajaan akan terus menyediakan dasar yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan pewujudan pekerjaan untuk rakyat di samping melaksanakan pembaharuan dalam memastikan kemampanan fiskal jangka masa panjang. Kita komited untuk mengekalkan hutang statutori Kerajaan Persekutuan di bawah had statutori 65% kepada KDNK. Kerajaan juga akan melaksanakan strategi pengurusan hutang yang bertujuan untuk memastikan ruang fiskal mencukupi bagi mengurangkan impak kejutan ekonomi atau situasi luar jangka.

Walaupun berdepan cabaran global, Kerajaan bertekad untuk memperkukuh kedudukan fiskal secara responsif, bertanggungjawab dan bersifat pembaharuan dalam melaksanakan dasar negara. Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2023 mencerminkan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan hasil dan perbelanjaan bagi mengurus sumber negara secara bertanggungjawab dan memastikan penyampaian yang berkesan ke arah pertumbuhan mampan, saksama dan inklusif demi kemakmuran #KeluargaMalaysia.




TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ


7 Oktober 2022

BAJET KERAJAAN PERSEKUTUAN 2023

DARI MANA DATANGNYA



KE MANA DIBELANJAKAN



¹ Terdiri daripada hasil dan pinjaman

² Tidak termasuk simpanan luar jangka

³ Kumpulan Wang COVID-19 di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST

LUAS KAWASAN (Kilometer persegi) AREA (Square kilometres)						
Malaysia	Semenanjung Malaysia ¹ Peninsular Malaysia ¹		Sarawak	Sabah ²		
330,548	132,104		124,450	73,994		
	2021		2022 ⁷		2023 ⁸	
PENDUDUK (juta) POPULATION (million)	32.6		32.7		32.8	
PENGELUARAN DALAM NEGERI DOMESTIC PRODUCTION	RM juta RM million	% perubahan % change	RM juta RM million	% perubahan % change	RM juta RM million	% perubahan % change
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2015) Gross Domestic Product (constant 2015 prices)	1,386,738	3.1	1,476,919	6.5 - 7.0	1,539,026	4.0 - 5.0
Pertanian <i>Agriculture</i>	98,898	-0.2	99,036	0.1	101,266	2.3
Perlombongan dan pengkuarian <i>Mining and quarrying</i>	93,150	0.3	95,087	2.1	96,165	1.1
Pembuatan <i>Manufacturing</i>	337,219	9.5	358,615	6.3	372,458	3.9
Pembinaan <i>Construction</i>	50,802	-5.2	51,948	2.3	54,407	4.7
Perkhidmatan <i>Services</i>	791,068	1.9	856,329	8.2	898,808	5.0
Duti import <i>Import duties</i>	15,602	1.7	15,904	1.9	15,920	0.1
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga semasa) Gross Domestic Product (current prices)	1,545,372	9.0	1,712,348	10.8 - 11.3	1,815,445	5.5 - 6.5
Perbelanjaan penggunaan akhir: Awam <i>Final consumption expenditure : Public</i>	196,472	6.0	199,122	1.3	203,961	2.4
Swasta <i>Private</i>	894,881	3.7	998,954	11.6	1,089,211	9.0
Pembentukan modal tetap kasar: Awam ³ <i>Gross fixed capital formation : Public³</i>	66,997	-10.0	69,652	4.0	72,220	3.7
Swasta <i>Private</i>	231,149	4.0	241,443	4.5	253,403	5.0
Perubahan inventori dan barangan berharga <i>Changes in inventories and valuables</i>	46,028	-	67,922	-	33,009	-
Eksport barangan dan perkhidmatan <i>Exports of goods and services</i>	1,063,817	21.8	1,264,686	18.9	1,322,984	4.6
Import barangan dan perkhidmatan <i>Imports of goods and services</i>	953,972	21.8	1,129,431	18.4	1,159,342	2.6
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGARA NATIONAL INCOME AND EXPENDITURE						
Pendapatan Negara Kasar (harga malar 2015) Gross National Income (constant 2015 prices)	1,367,707	2.7	1,446,321	5.7	1,508,577	4.3
Pendapatan Negara Kasar (harga semasa) Gross National Income (current prices)	1,503,821	8.2	1,642,844	9.2	1,745,075	6.2
Tabungan Negara Kasar (harga semasa) Gross National Savings (current prices)	402,874	19.0	429,857	6.7	431,673	0.4
Pendapatan Per Kapita (harga semasa, RM) Per Capita Income (current prices, RM)	46,051	8.0	50,314	9.3	53,286	5.9

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)
MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST (cont'd)

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN <i>FEDERAL GOVERNMENT FINANCE</i>	2021		2022 ⁹		2023 ¹⁰	
	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>
Hasil <i>Revenue</i>	233,752	3.9	285,217	22.0	272,570	-4.4
Perbelanjaan mengurus <i>Operating expenditure</i>	231,516	3.1	284,700	23.0	272,340	-4.3
Baki semasa <i>Current balance</i>	2,236		517		230	
Perbelanjaan pembangunan (bersih) <i>Development expenditure (net)</i>	63,267	26.3	71,200	12.5	94,300	32.4
Kumpulan Wang COVID-19 ⁴ <i>COVID-19 Fund⁴</i>	37,711	-0.8	28,800	-23.6	5,000	-82.6
Baki keseluruhan <i>Overall balance</i>	-98,742		-99,483		-99,070	
% KDNK <i>% GDP</i>	-6.4		-5.8		-5.5	
Pinjaman dalam negeri (bersih) <i>Domestic borrowings (net)</i>	98,584		99,994		-	
Pinjaman luar pesisir (bersih) <i>Offshore borrowings (net)</i>	1,734		-320		-	
Perubahan aset ⁵ <i>Change in assets⁵</i>	-1,576		-191		-	
		% KDNK <i>% GDP</i>		% KDNK <i>% GDP</i>		
Hutang Kerajaan Persekutuan⁶ <i>Federal Government Debt⁶</i>	979,814	63.4	1,044,960	61.0	-	-
Hutang dalam negeri <i>Domestic debt</i>	950,084	61.5	1,015,605	59.3	-	-
Bil perbendaharaan <i>Treasury bills</i>	28,000	1.8	34,500	2.0	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Investment Issues</i>	423,266	27.4	444,966	26.0	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Securities</i>	480,718	31.1	518,039	30.2	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan <i>Government Housing Sukuk</i>	18,100	1.2	18,100	1.1	-	-
Pinjaman luar pesisir <i>Offshore borrowings</i>	29,730	1.9	29,355	1.7	-	-
Pinjaman pasaran <i>Market loans</i>	25,147	1.6	25,383	1.5	-	-
Pinjaman projek <i>Project loans</i>	4,583	0.3	3,972	0.2	-	-

¹ Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya

² Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan

³ Termasuk pelaburan oleh syarikat awam

⁴ Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi

⁵ (+) menunjukkan pengurangan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

⁶ Pada 2022, data adalah sehingga akhir Jun 2022

⁷ Anggaran

⁸ Unjuran

⁹ Anggaran disemak

¹⁰ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2023

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

¹ Includes the Federal Territory of Kuala Lumpur and Federal Territory of Putrajaya

² Includes the Federal Territory of Labuan

³ Includes investment of public corporations

⁴ A specific trust fund established under the Temporary Measures for Government Financing (Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)) Act 2020 to finance economic stimulus packages and recovery plan

⁵ (+) indicates drawdown of assets; (-) indicates accumulation of assets

⁶ For 2022, data is at end-June 2022

⁷ Estimate

⁸ Forecast

⁹ Revised estimate

¹⁰ Budget estimate, excluding Budget 2023 measures

Note: Total may not add up due to rounding

KANDUNGAN

	Muka Surat
KATA PENGANTAR	iii
PRAKATA	v
BAJET KERAJAAN PERSEKUTUAN 2023	vii
MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN	ix
AKRONIM DAN SINGKATAN	xiii
SEKSYEN 1 PERSPEKTIF KESELURUHAN DASAR FISKAL	
Perspektif Keseluruhan	3
Memperkuh Rangka Kerja Fiskal dalam Tempoh Pascapandemik	3
Kedudukan Fiskal 2022	4
Tinjauan 2023	5
Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2023-2025	6
Kesimpulan	7
SEKSYEN 2 HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN	
Perspektif Keseluruhan	11
Hasil 2022	11
Tinjauan 2023	13
Kesimpulan	15
SEKSYEN 3 PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
Perspektif Keseluruhan	19
Prestasi 2022	19
Kumpulan Wang COVID-19	22
Tinjauan 2023	24
Rencana – Peningkatan Perbelanjaan Awam: Keperluan Semakan Semula dan Pengoptimuman	26
Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan	33
Kesimpulan	34
SEKSYEN 4 PENGURUSAN HUTANG	
Perspektif Keseluruhan	39
Pembiayaan	39
Sisipan – Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) Lestari 2022	41
Hutang Kerajaan Persekutuan	43
Rencana – Peraturan Hutang Kerajaan: Perbandingan antara Negara	47
Hutang Luar	56
Hutang Sektor Awam	57
Tinjauan 2023	57
Kesimpulan	58
SEKSYEN 5 RISIKO FISKAL DAN LIABILITI	
Perspektif Keseluruhan	63
Rencana – Pengurusan Risiko Fiskal di Malaysia	63
Pendedahan Hutang dan Liabiliti	71
Jaminan Kerajaan	71
1Malaysia Development Berhad	73
Liabiliti Lain	74
Kesimpulan	75
SEKSYEN 6 SEKTOR AWAM DISATUKAN	
Sektor Awam Disatukan	79
Kerajaan Am	80
Kerajaan Negeri	81
Syarikat Awam Bukan Kewangan	82

JADUAL

Jadual 1.1.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan	5
Jadual 1.2.	Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF)	6
Jadual 2.1	Hasil Kerajaan Persekutuan	12
Jadual 3.1.	Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Komponen	20
Jadual 3.2.	Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor	22
Jadual 3.3.	Peruntukan Kumpulan Wang COVID-19	23
Jadual 4.1.	Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	40
Jadual 4.2.	Garis Panduan Perundangan Hutang	44
Jadual 4.3.	Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Instrumen	45
Jadual 4.4.	Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang	46
Jadual 4.5.	Hutang Luar	56
Jadual 4.6.	Hutang Sektor Awam	57
Jadual 5.1.	Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan	71
Jadual 5.2.	Penerima Utama Jaminan Kerajaan	72
Jadual 5.3.	Komitmen Jaminan	73
Jadual 5.4.	Hutang 1MDB	73
Jadual 6.1.	Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan	79
Jadual 6.2.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan	80
Jadual 6.3.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan	81
Jadual 6.4.	Kedudukan Kewangan Syarikat Awam Bukan Kewangan Disatukan	82

RAJAH

Rajah 1.1.	Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan	8
Rajah 1.2.	Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Baki Semasa Kerajaan Persekutuan	8
Rajah 1.3.	Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan	8
Rajah 1.4	Kedudukan Fiskal Disemak Semula 2022	8
Rajah 2.1.	Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum	16
Rajah 2.2.	Hasil Sebagai Peratusan daripada KDNK	16
Rajah 3.1.	Jumlah Perbelanjaan mengikut Sektor	35
Rajah 3.2.	Jumlah Perbelanjaan mengikut Kementerian dan Agensi	35
Rajah 3.3.	Perbelanjaan Mengurus mengikut Komponen	35
Rajah 3.4.	Perbelanjaan Mengurus mengikut Sektor	35
Rajah 3.5.	Perbelanjaan Pembangunan mengikut Sektor	35
Rajah 3.6.	Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan mengikut Penghutang	35
Rajah 4.1.	Terbitan mengikut Tempoh Matang	59
Rajah 4.2.	Nisbah BTC MGS dan MGII	59
Rajah 4.3.	Keluk Kadar Hasil Penanda Aras MGS	59
Rajah 4.4.	Kadar Hasil Indikatif MGS	59
Rajah 4.5.	Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan	59
Rajah 4.6.	Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang	60
Rajah 4.7.	Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin	60
Rajah 4.8.	Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Baki Tempoh Matang	60
Rajah 4.9.	Bayaran Khidmat Hutang	60
Rajah 4.10.	Profil Kematangan Hutang	60
Rajah 5.1.	Jaminan Pinjaman Terkumpul	76
Rajah 5.2.	Profil Kematangan Jaminan Pinjaman	76
Rajah 5.3.	Jaminan Pinjaman mengikut Segmen	76
Rajah 5.4.	Obligasi PPP Terkumpul mengikut Sektor	76

STATISTIK KEWANGAN AWAM

177

MEMORANDUM PERBENDAHARAAN MENGENAI ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2023

197

AKRONIM DAN SINGKATAN

1MDB	1Malaysia Development Berhad	ICPT	Imbalance Cost Pass-Through
BKM	Bantuan Keluarga Malaysia	ICT	teknologi maklumat dan komunikasi
BNM	Bank Negara Malaysia	IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
bps	mata asas	IPSAS	Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa
BSH	Bantuan Sara Hidup	JKDM	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia
BTC	bidaan kepada terbitan	KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
CENDANA	Dana Pemasaran dan Promosi Pendigitalan di bawah Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan	KHAZANAH	Khazanah Nasional Berhad
CITA	cukai pendapatan syarikat	KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
CKHT	cukai keuntungan harta tanah	KWC-19	Kumpulan Wang COVID-19
COVID-19	Penyakit Koronavirus 2019	KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
CPO	crude palm oil	LPPSA	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
CPS	sektor awam disatukan	MAA	Persatuan Automotif Malaysia
DanaInfra	DanaInfra Nasional Berhad	MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
DE	perbelanjaan pembangunan	MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia	MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
DSC	bayaran khidmat hutang	MITB	Bil Perbendaharaan Islam Malaysia
ESG	environmental, social and governance	MKD	Menteri Kewangan Diperbadankan
e-Tanah	sistem pengurusan tanah secara elektronik	MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
EU	Kesatuan Eropah	MTB	Bil Perbendaharaan Malaysia
Fed	Rizab Persekutuan AS	MTHF	Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	MTRS	Strategi Hasil Jangka Sederhana
FPC	Jawatankuasa Dasar Fiskal	OE	perbelanjaan mengurus
FRA	Akta Tanggungjawab Fiskal		
GG	jaminan Kerajaan		
GloBE	Global Anti-Base Erosion Rules		
GST	Cukai Barang dan Perkhidmatan		

AKRONIM DAN SINGKATAN

OPR	Kadar Dasar Semalaman	SABK	syarikat awam bukan kewangan
PBLT	PBLT Sdn. Bhd.	SDG	Matlamat Pembangunan Mampan
PER	Semakan Semula Perbelanjaan Awam	SPK	Sukuk Perumahan Kerajaan
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad	SPV	syarikat bertujuan khas
PFI	inisiatif pembiayaan swasta	SRR	Keperluan Rizab Berkanun
PICK	Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan	SST	Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan
PITA	cukai pendapatan petroleum	SVDP	Program Pengakuan Khas Sukarela
PKS	perusahaan kecil dan sederhana	TIN	Nombor Pengenalan Cukai
PMKS	perusahaan mikro, kecil dan sederhana	TIP	Jumlah Pengeluaran Industri
PPN	Pelan Pemulihan Nasional	TIV	jumlah pengeluaran industri
PPP	kerjasama awam swasta	TVET	pendidikan latihan teknikal dan vokasional
PPR	Program Perumahan Rakyat	UKAS	Unit Kerjasama Awam Swasta
RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua belas		

SEKSYEN 1

Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

3	PERSPEKTIF KESELURUHAN
3	MEMPERKUKUH RANGKA KERJA FISKAL DALAM TEMPOH PASCAPANDEMIK
4	KEDUDUKAN FISKAL 2022
5	TINJAUAN 2023
6	RANGKA KERJA FISKAL JANGKA SEDERHANA 2023 - 2025
7	KESIMPULAN

SEKSYEN 1

Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

Perspektif Keseluruhan

Dasar fiskal telah memainkan peranan penting dalam memacu pemulihan ekonomi negara untuk kembali kepada tahap prapandemik. Pelaksanaan dasar yang pantas dan berani termasuk pembiayaan bagi program vaksinasi yang meluas dan langkah segera untuk meringankan beban rakyat dan perniagaan telah membolehkan Kerajaan mengurangkan impak pandemik dengan berkesan. Selain itu, pembukaan semula sempadan antarabangsa telah merancakkan kembali aktiviti perniagaan dan sosial seterusnya mempercepat proses pemulihan ekonomi. Justeru, ekonomi berkembang kukuh sebanyak 6.9% pada separuh pertama 2022 dengan situasi pasaran buruh yang bertambah baik.

Walaupun ekonomi domestik semakin mengukuh, namun usaha untuk membendung tekanan inflasi terus menjadi cabaran. Pergolakan geopolitik di Eropah Timur telah meningkatkan tekanan inflasi yang menyebabkan kenaikan harga komoditi utama dan gangguan rantaian bekalan global. Oleh itu, Kerajaan telah mengambil langkah awal bagi membendung kenaikan harga dengan menyediakan subsidi tambahan ke atas beberapa barangan dan perkhidmatan penting bagi mengurangkan peningkatan kos sara hidup. Kerajaan juga terus menyediakan sokongan fiskal melalui inisiatif yang dibiayai oleh Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19).

Kerajaan sedang merangka dasar dengan mengambil kira pemulihan yang tidak seimbang merentasi sektor dan kumpulan demografi. Penekanan akan diberi dalam merangka strategi bersesuaian bagi kumpulan rentan yang masih bergelut untuk pulih dalam

tempoh pascapandemik terutamanya kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Kerajaan juga akan terus mempercepat penerimgunaan digitalisasi dan automasi bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Selain itu, agenda pembangunan mampan dan inklusif kekal sebagai antara bidang tumpuan utama Kerajaan dalam merangka bajet tahunan. Dari segi kewangan awam, Kerajaan akan memperkukuh kedudukan fiskal secara berperingkat bagi mengimbangi momentum pemulihan ekonomi dan kemampuan fiskal jangka masa panjang.

Memperkukuh Rangka Kerja Fiskal dalam Tempoh Pascapandemik

Pandemik telah memberi impak kepada kewangan awam dan menjejaskan usaha konsolidasi fiskal Kerajaan daripada trajektori asal berikutan pelaksanaan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi yang menyebabkan peningkatan perbelanjaan dan kehilangan hasil. Defisit belanjawan serta hutang Kerajaan meningkat dengan ketara sejak 2020 dan memerlukan pembaharuan fiskal yang holistik dalam jangka masa sederhana. Walaupun pembaharuan diperlukan untuk mencapai kemampuan kewangan awam, namun Kerajaan tidak akan menarik balik sokongan fiskal secara pramatang kerana tindakan tersebut boleh menjejaskan pemulihan ekonomi pascapandemik.

Objektif utama pembaharuan fiskal adalah untuk meluaskan asas hasil, meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan ketelusan dalam

pengurusan fiskal. Langkah pembaharuan segera seperti menyemak semula rangka kerja percukaian dan melaksanakan subsidi lebih bersasar penting untuk memastikan kemampunan kutipan hasil dan keberkesanan perbelanjaan. Langkah ini merupakan sebahagian daripada Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) dan Semakan Semula Perbelanjaan Awam yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan selari dengan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA). Cadangan rangka kerja FRA secara prinsipnya telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dan dijangka dibentangkan di Parlimen pada akhir 2022.

Secara keseluruhan, Kerajaan komited untuk memperkukuh rangka kerja dasar fiskal, menyokong momentum pemulihan ekonomi, memastikan pertumbuhan yang mampan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pada masa yang sama, konsolidasi fiskal akan dipercepat melalui peningkatan hasil dan perbelanjaan berhemat. Kerajaan juga akan menggubal dasar fiskal dengan menumpukan kepada usaha mewujudkan ruang fiskal, membina daya tahan ekonomi dan meningkatkan keyakinan pelabur dalam jangka masa panjang.

Kedudukan Fiskal 2022

Kerajaan mengunjurkan defisit fiskal sebanyak 6% daripada KDNK dalam Bajet 2022 berdasarkan prospek ekonomi yang lebih baik berikutan pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial. Kedudukan fiskal terus bertambah baik pada separuh pertama 2022 terutamanya disebabkan pengukuhan permintaan domestik yang menyumbang kepada kutipan hasil menggalakkan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan global telah menyebabkan peningkatan harga komoditi seterusnya memaksa Kerajaan menyusun semula keutamaan perbelanjaan bagi menyediakan sokongan fiskal terutamanya subsidi tambahan untuk mengurangkan beban kewangan rakyat susulan kenaikan inflasi dan kos sara hidup. Peningkatan peruntukan subsidi sebahagiannya dijangka diimbangi oleh pendapatan tambahan daripada dividen dan cukai berkaitan komoditi.

Unjuran prestasi ekonomi domestik yang kukuh dan harga komoditi yang tinggi dijangka menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil pada 2022. Hasil dianggar meningkat kepada RM285.2 bilion atau 16.7% daripada KDNK terutamanya daripada hasil cukai dan bukan cukai iaitu peningkatan sebanyak 21.9% berbanding anggaran belanjawan. Peningkatan hasil cukai terutamanya disumbangkan oleh Cukai Makmur, Program Khas Pengakuan Sukarela dan cukai berkaitan komoditi manakala hasil bukan cukai terutamanya daripada dividen tambahan PETRONAS sebanyak RM25 bilion.

Jumlah perbelanjaan Kerajaan dijangka berkembang sebanyak 16% kepada RM385.3 bilion berbanding anggaran belanjawan RM332.1 bilion bagi menyediakan sokongan fiskal mencukupi untuk melindungi rakyat dan perniagaan daripada kenaikan inflasi dan kos sara hidup. Perbelanjaan mengurus (OE) dijangka meningkat sebanyak RM51.2 bilion atau 21.9% kepada RM284.7 bilion dengan peruntukan subsidi dan bantuan sosial sebanyak RM58.9 bilion. Sebaliknya, perbelanjaan pembangunan (DE) dijangka berkurang sebanyak 5% daripada anggaran belanjawan kepada RM71.8 bilion berikutan penyusunan semula keutamaan program dan projek serta penyesuaian semula perbelanjaan berdasarkan kemajuan pelaksanaan. Pada Julai 2022, Kementerian Kewangan mengeluarkan pekeliling mengenai garis panduan perbelanjaan awam yang memerlukan semua kementerian menyusun semula keutamaan peruntukan bagi perbelanjaan kritikal dan mengoptimum perbelanjaan melalui langkah penjimatan kos. Selain itu, perbelanjaan KWC-19 diunjur sebanyak RM28.8 bilion bagi meneruskan sokongan kepada pemulihan perniagaan dan meringankan beban kewangan isi rumah akibat pandemik.

Secara keseluruhan, paras defisit dianggar meningkat secara marginal kepada RM99.5 bilion berikutan jangkaan perbelanjaan lebih tinggi bagi OE dan KWC-19. Walau bagaimanapun, defisit fiskal keseluruhan

JADUAL 1.1. Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2021 – 2023

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)		
	2021	2022 ³	2023 ⁴	2021	2022 ³	2023 ⁴	2021	2022 ³	2023 ⁴
Hasil	233,752	285,217	272,570	3.9	22.0	-4.4	15.1	16.7	15.0
Perbelanjaan mengurus	231,516	284,700	272,340	3.1	23.0	-4.3	15.0	16.6	15.0
Baki semasa	2,236	517	230				0.0	0.1	0.0
Perbelanjaan pembangunan kasar	64,257	71,800	95,000	25.1	11.7	32.3	4.2	4.2	5.2
Tolak: Terimaan balik pinjaman	990	600	700	-21.4	-39.4	16.7	0.1	0.0	0.0
Perbelanjaan pembangunan bersih	63,267	71,200	94,300	26.3	12.5	32.4	4.1	4.2	5.2
Kumpulan Wang COVID-19 ¹	37,711	28,800	5,000	-0.8	-23.6	-82.6	2.4	1.7	0.3
Baki keseluruhan	-98,742	-99,483	-99,070				-6.4	-5.8	-5.5
Baki primer²	-60,673	-56,383	-52,970				-3.9	-3.3	-2.9

¹ Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi

² Tidak termasuk bayaran khidmat hutang

³ Anggaran disemak

⁴ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2023

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

berbanding KDNK diunjur terus berkurang kepada 5.8% selaras dengan peningkatan kutipan hasil dan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan. Justeru, defisit baki primer yang tidak termasuk bayaran khidmat hutang dijangka mencatat 3.3% daripada KDNK.

Tinjauan 2023

Persekitaran global dijangka kekal tidak menentu berikutan ketegangan geopolitik berterusan dan unjuran pertumbuhan yang lebih perlahan. Harga komoditi utama pula dijangka lebih rendah berikutan pengurangan permintaan terutamanya berkaitan tenaga. Oleh itu, dasar fiskal pada 2023 akan terus responsif bagi menyokong momentum pertumbuhan ke arah mencapai agenda pembangunan negara. Agihan sumber fiskal akan dilaksana melalui pendekatan lebih bersasar dan mengikut bidang keutamaan bagi meningkatkan kapasiti ekonomi dan daya saing. Bajet Kerajaan kekal mengembang bagi

menyediakan sokongan fiskal yang mencukupi dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan melaksanakan pembaharuan ekonomi di samping meneruskan pelan konsolidasi fiskal.

Kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada 2023 diunjur lebih rendah sebanyak RM272.6 bilion atau 15% daripada KDNK berikutan jangkaan pengurangan kutipan hasil bukan cukai. Hasil bukan cukai dianggarkan sebanyak RM67 bilion iaitu merosot 23% berbanding 2022 disebabkan oleh jangkaan terimaan dividen daripada entiti kerajaan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, hasil cukai kekal sebagai penyumbang utama dan dijangka berkembang sederhana sebanyak 3.7% kepada RM205.6 bilion selari dengan unjuran pemulihan ekonomi yang lebih perlahan.

Kerajaan telah memberi suntikan fiskal yang besar sejak tiga tahun lalu bagi menyokong ekonomi, perniagaan dan rakyat. Selaras dengan pendekatan perbelanjaan lebih bersasar, jumlah perbelanjaan pada 2023 diunjur berkurang sedikit kepada

RM372.3 bilion atau 20.5% daripada KDNK terutamanya disebabkan oleh penamatan KWC-19. Peruntukan bagi OE berkurang kepada RM272.3 bilion terutamanya disebabkan oleh pengurangan subsidi berikutan jangkaan harga komoditi lebih rendah dan langkah secara beransur-ansur ke arah pemberian subsidi lebih bersasar. Selain itu, DE dijangka meningkat dengan ketara kepada RM95 bilion berikutan peruntukan lebih tinggi untuk program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) seperti pembinaan lebuh raya dan landasan kereta api, fasiliti perubatan serta institusi pendidikan. Sejumlah USD3 bilion disediakan untuk penebusan bon 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Di samping itu, sebanyak RM5 bilion adalah untuk pembayaran tertunggak bagi komitmen KWC-19 yang dibuat pada 2022 seperti termaktub dalam Seksyen 8 (1) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830].

Secara keseluruhan, defisit fiskal dijangka berkurang kepada 5.5% daripada KDNK selari dengan komitmen Kerajaan ke arah mengukuhkan kedudukan fiskal bagi memastikan kewangan awam yang lebih mampan dalam jangka masa sederhana. Selain itu, defisit baki primer turut dianggar berkurang kepada 2.9% daripada KDNK. Langkah konsolidasi fiskal akan dipercepat selepas tekanan inflasi berkurangan dan ekonomi pulih sepenuhnya berpandukan Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF).

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2023 - 2025

Unjuran jangka sederhana 2023 - 2025 adalah berdasarkan andaian makroekonomi terkini mengambil kira persekitaran global dan harga komoditi semasa. Oleh itu, MTFF 2023 - 2025 disemak semula dengan asas

andaian purata pertumbuhan KDNK sebenar pada 6%, harga minyak mentah pada USD90 setong dan pengeluaran minyak mentah yang stabil sebanyak 530,000 tong sehari. Andaian ini menyumbang kepada unjuran hasil yang konservatif dan peruntukan perbelanjaan berhemat dalam tempoh MTFF.

Jumlah hasil jangka masa sederhana diunjur sebanyak RM854.3 bilion atau 14.7% daripada KDNK disumbangkan oleh hasil bukan petroleum sebanyak RM699.5 bilion atau

JADUAL 1.2. Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF), 2023 - 2025

	2023 - 2025	
	RM BILION	BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)
Hasil	854.3	14.7
<i>Bukan Petroleum</i>	699.5	12.0
<i>Berkaitan Petroleum</i>	154.8	2.7
Perbelanjaan mengurus	842.8	14.5
Baki semasa	11.5	0.2
Perbelanjaan pembangunan kasar	263.9	4.5
<i>Tolak: terimaan balik pinjaman</i>	1.9	0.0
Perbelanjaan pembangunan bersih	262.0	4.5
Kumpulan Wang COVID-19 ¹	5.0	0.1
Baki keseluruhan	-255.5	-4.4
Baki Primer	-106.4	-1.8
Asas andaian:		
Purata pertumbuhan KDNK benar (%)	4.5	
Purata pertumbuhan KDNK nominal (%)	6.4	
Purata harga minyak mentah (USD setong)	90	
Purata pengeluaran minyak (tong sehari)	530,000	

¹ Kumpulan wang amanah khusus ditubuhkan di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi

Nota: Anggaran MTFF tidak termasuk langkah belanjawan
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

12% daripada KDNK dan hasil berkaitan petroleum sebanyak RM154.8 bilion atau 2.7% daripada KDNK. Kerajaan akan meneruskan usaha meningkatkan kutipan hasil dengan menambah baik asas hasil, mengurangkan ketirisan dan meneroka sumber hasil baharu berpandukan MTRS.

Dari segi perbelanjaan, jumlah siling indikatif bagi tempoh tiga tahun dianggar sebanyak RM1,111.7 bilion atau 19.1% daripada KDNK dengan OE sebanyak RM842.8 bilion atau 14.5% daripada KDNK dan DE pada RM263.9 bilion atau 4.5% daripada KDNK. Secara keseluruhan, defisit fiskal dijangka berkurang secara berperingkat dengan purata baki keseluruhan sebanyak 4.4% daripada KDNK bagi tempoh MTF. Defisit lebih rendah akan memberi fleksibiliti kepada Kerajaan bagi menyediakan ruang fiskal dan melaksanakan langkah kitaran balas sekiranya berlaku krisis pada masa hadapan.


Kesimpulan

Tempoh pascapandemik membolehkan Kerajaan meneruskan inisiatif pembaharuan bagi mengukuhkan daya tahan ekonomi dan kewangan awam terhadap kejutan masa hadapan. Penerbitan kertas konsultasi awam mengenai alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG); perolehan berkaitan


penyelidikan dan pembangunan; perolehan hijau; perundangan cukai; subsidi bersasar; dan pembiayaan pembangunan mampan menunjukkan komitmen Kerajaan ke arah memudah cara pembaharuan menyeluruh dalam aspek ekonomi dan sosial serta pengurusan kewangan awam. Maklum balas dan input daripada orang ramai dan pihak berkepentingan sentiasa diambil kira dalam penggubalan dasar Kerajaan.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan komited untuk meningkatkan kredibiliti pelaksanaan dasar dan rangka kerja fiskal melalui pembaharuan yang holistik. Kesan buruk pandemik ke atas negara yang mempunyai asas ekonomi yang lemah menyerlahkan kepentingan pembaharuan fiskal proaktif bagi memastikan kemampanan fiskal jangka masa panjang. Justeru, pengalaman negara lain dalam melaksanakan inisiatif pembaharuan fiskal menjadi rujukan bernilai kepada Kerajaan dalam mengguna pakai inisiatif berdasarkan amalan terbaik antarabangsa. Antara inisiatif pembaharuan termasuk langkah meningkatkan hasil dan program rasionalisasi subsidi bagi memastikan kemampanan fiskal dan kemampuan keberhutangan. Secara keseluruhan, Kerajaan bertanggungjawab memastikan rangka kerja fiskal yang berkesan dan cekap bagi meningkatkan kredibiliti dasar fiskal di samping mengekalkan kestabilan makroekonomi dan melindungi kesejahteraan rakyat.


RAJAH 1.1. Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan



RAJAH 1.2. Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Baki Semasa Kerajaan Persekutuan




RAJAH 1.3. Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan



¹ Anggaran disemak
² Anggaran belanjaan tidak termasuk langkah Bajet 2023
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 1.4. Kedudukan Fiskal Disemak Semula 2022



³ Termasuk tambahan dividen PETRONAS (RM25 bilion)
⁴ Mengambil kira semakan semula KDNK nominal yang lebih tinggi
⁵ Tambahan pinjaman

SEKSYEN 2

Hasil Kerajaan Persekutuan

11 PERSPEKTIF KESELURUHAN

11 HASIL 2022

13 TINJAUAN 2023

15 KESIMPULAN

SEKSYEN 2

Hasil Kerajaan Persekutuan

Perspektif Keseluruhan

Ketegangan geopolitik, gangguan rantaian bekalan global dan tekanan inflasi telah memberi impak kepada ekonomi di seluruh dunia pada 2022. Malaysia turut terjejas walaupun secara minimum. Sebagai negara pengeluar komoditi, kenaikan harga komoditi dan penyusutan nilai ringgit berbanding dolar AS telah memberi manfaat yang lebih baik kepada Malaysia melalui hasil berkaitan komoditi. Walau bagaimanapun, Malaysia masih memerlukan struktur hasil yang lebih seimbang dengan mengurangkan kebergantungan kepada hasil bukan cukai dan hasil berasaskan komoditi. Bagi menangani cabaran ini, kutipan hasil yang mampan berteraskan dasar hasil mudah dijangka diperlukan untuk membiayai langkah sosioekonomi bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

Dalam hal ini, Malaysia boleh memanfaatkan potensi untuk meningkatkan hasil cukai daripada pembukaan ekonomi dan sempadan antarabangsa yang menggiatkan semula perniagaan dan mengukuhkan pasaran pekerjaan. Dalam Bajet 2022, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah cukai iaitu pelaksanaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN), Program Pengakuan Khas Sukarela (SVDP) di bawah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan peluasan skop duti eksais ke atas minuman bergula. Sementara itu, perundangan cukai sentiasa ditambah baik selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan ketelusan dan pentadbiran cukai. Usaha berterusan juga dilaksanakan bagi memperkukuh pengurusan hasil, menambah baik struktur cukai sedia ada dan

menangani ketirisan hasil berikutan amalan pengelakan cukai rentas sempadan dan dicukai dua kali.

Kerajaan akan terus mengukuhkan penglibatan dengan komuniti perniagaan dan orang awam bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan awam. Sehubungan itu, kertas konsultasi awam telah diterbitkan sebagai usaha meningkatkan ketelusan dan keterangkuman dalam penyediaan Bajet 2023. Penerbitan kertas konsultasi Pelaksanaan *Global Anti-Base Erosion (GloBE) Rules* di Malaysia adalah untuk mendapatkan pandangan bagi memastikan persekitaran pelaburan langsung asing dan domestik yang kompetitif serta mencegah pengelakan cukai rentas sempadan. Input daripada kertas konsultasi yang diperoleh daripada orang awam dan komuniti perniagaan akan memberi perspektif baharu dan boleh dijadikan panduan kepada Kerajaan dalam menjana hasil yang mampan melalui penambahbaikan dasar cukai bagi menyokong agenda nasional.

Hasil 2022

Hasil Kerajaan Persekutuan pada 2022 diunjur meningkat dengan ketara sebanyak 22% kepada RM285.2 bilion atau 16.7% daripada KDNK disumbangkan oleh hasil cukai dan bukan cukai. Hasil cukai kekal sebagai penyumbang terbesar iaitu 69.5% daripada jumlah hasil atau 11.6% daripada KDNK disokong oleh pemulihan ekonomi yang kukuh dan peningkatan harga komoditi. Peratusan kutipan hasil bukan cukai daripada jumlah hasil dijangka meningkat daripada 25.7% pada 2021 kepada 30.5% pada 2022 berikutan bayaran dividen yang lebih tinggi.

JADUAL 2.1. Hasil Kerajaan Persekutuan
2021 – 2023

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2021	2022 ¹	2023 ²	2021	2022 ¹	2023 ²	2021	2022 ¹	2023 ²
Hasil cukai	173,704	198,227	205,583	12.5	14.1	3.7	74.3	69.5	75.4
Cukai langsung	130,116	147,206	152,392	15.6	13.1	3.5	55.7	51.6	55.9
<i>antaranya:</i>									
CITA	79,829	84,760	88,870	59.5	6.2	4.8	34.2	29.7	32.6
Individu	27,051	30,640	33,630	-30.6	13.3	9.8	11.6	10.7	12.3
PITA	11,570	19,302	16,189	-9.4	66.8	-16.1	4.9	6.8	5.9
Cukai tidak langsung	43,588	51,021	53,191	4.1	17.1	4.3	18.6	17.9	19.5
<i>antaranya:</i>									
SST	25,616	29,710	32,060	-4.3	16.0	7.9	11.0	10.4	11.8
Duti eksais	10,241	10,720	11,970	3.9	4.7	11.7	4.4	3.7	4.3
Duti import	2,645	3,020	3,220	12.7	14.2	6.6	1.1	1.1	1.2
Duti eksport	2,057	2,200	1,450	175.7	7.0	-34.1	0.9	0.8	0.5
Hasil bukan cukai	60,048	86,990	66,987	-15.0	44.9	-23.0	25.7	30.5	24.6
<i>antaranya:</i>									
Lesen dan permit	10,578	13,330	13,788	-3.2	26.0	3.4	4.5	4.7	5.1
Pendapatan pelaburan	35,018	63,442	42,710	-24.0	81.2	-32.7	15.0	22.2	15.7
Jumlah hasil	233,752	285,217	272,570	3.9	22.0	-4.4	100.0	100.0	100.0
% daripada KDNK	15.1	16.7	15.0						

¹ Anggaran disemak² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2023

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Hasil cukai diunjur meningkat sebanyak 14.1% kepada RM198.2 bilion dengan cukai langsung dan cukai tidak langsung dijangka mencatat pertumbuhan dua digit. Kutipan **cukai langsung** dijangka meningkat sebanyak 13.1% kepada RM147.2 bilion terutamanya disumbangkan oleh kutipan cukai pendapatan syarikat (CITA) yang lebih tinggi sebanyak RM84.8 bilion berikutan pendapatan korporat yang lebih tinggi susulan pemulihan ekonomi yang kukuh. Selaras dengan pengumuman Bajet 2022, pelaksanaan Cukai Makmur secara *one-off* ke atas syarikat dengan pendapatan bercukai melebihi RM100 juta bagi tahun taksiran 2022 dijangka meningkatkan kutipan CITA. Cukai pendapatan individu juga diunjur meningkat kepada RM30.6 bilion seiring dengan prospek pekerjaan dan upah yang lebih baik.

Di samping itu, cukai pendapatan petroleum (PITA) diunjur melonjak 66.8% kepada RM19.3 bilion sejajar dengan peningkatan harga minyak mentah dunia dengan purata USD100 setong (2021: USD71 setong). Kutipan duti setem dianggar meningkat sebanyak 4.7% kepada RM6.6 bilion (2021: RM6.3 bilion) manakala cukai keuntungan harta tanah (CKHT) meningkat 8.5% kepada RM2 bilion (2021: RM1.8 bilion) menggambarkan aktiviti pasaran hartanah yang lebih kukuh antaranya melalui inisiatif Kerajaan di bawah Program Visa Premium Malaysia dan Inisiatif Pemilikan Rumah Keluarga Malaysia (i-MILIKI).

Cukai tidak langsung diunjur meningkat sebanyak 17.1% kepada RM51 bilion berikutan kutipan yang lebih tinggi daripada cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST), levi

keuntungan luar biasa dan duti eksais. Anggaran SST yang lebih tinggi berjumlah RM29.7 bilion sejajar dengan pemulihan ekonomi yang kukuh pada 2022 didorong oleh penggunaan swasta. Daripada jumlah ini, cukai perkhidmatan dianggar sebanyak RM14.7 bilion terutamanya disumbangkan oleh kutipan lebih tinggi daripada perkhidmatan makanan dan minuman (F&B), insurans, pengurusan dan telekomunikasi.

Kutipan cukai jualan diunjur lebih tinggi kepada RM15 bilion berikutan peningkatan permintaan kenderaan penumpang serta mesin dan alat ganti. Menurut laporan Persatuan Automotif Malaysia (MAA)¹, Jumlah Pengeluaran Industri (TIP) meningkat sebanyak 31.4% dan Jumlah Volum Industri (TIV) kenderaan penumpang meningkat 31.2% pada separuh pertama 2022 berbanding tempoh yang sama pada 2021. Kutipan duti eksais juga dijangka meningkat sebanyak 4.7% kepada RM10.7 bilion. Selain itu, levi keuntungan luar biasa ke atas buah kelapa sawit dianggar meningkat dengan ketara sebanyak 70.9% kepada RM3.3 bilion dengan purata harga minyak sawit mentah (CPO) lebih tinggi pada RM5,000 setan metrik. Duti eksport turut diunjur meningkat kepada RM2.2 bilion berikutan peningkatan harga minyak mentah dan CPO serta volum eksport CPO.

Hasil bukan cukai dijangka melonjak 44.9% kepada RM87 bilion terutamanya disumbangkan oleh faedah dan pulangan pelaburan yang lebih tinggi. Sebahagian besar hasil ini adalah daripada dividen PETRONAS sebanyak RM50 bilion dengan RM25 bilion merupakan dividen tambahan berikutan keuntungan yang lebih baik manakala dividen Bank Negara Malaysia berjumlah RM5 bilion. Selain itu, Kerajaan juga menerima RM3 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) untuk membiayai sebahagian bayaran persaraan. Kutipan lesen dan permit dijangka berkembang sebanyak 26% kepada RM13.3 bilion terutamanya

disumbangkan oleh terimaan royalti petroleum, lesen kenderaan bermotor dan levi pekerja asing yang lebih tinggi. Kutipan lesen kenderaan bermotor dijangka meningkat sebanyak 6.1% kepada RM3 bilion berikutan peningkatan pendaftaran kenderaan dan penamatan tempoh pelepasan pembaharuan lesen kenderaan bermotor pada 31 Disember 2021. Selain itu, kutipan levi pekerja asing dianggar meningkat sebanyak 10.9% kepada RM2.2 bilion susulan pertambahan pendaftaran pekerja asing baharu.

Hasil berkaitan petroleum pada 2022 dijangka meningkat ketara sebanyak 80.5% kepada RM77.8 bilion dengan bahagian kepada jumlah hasil sebanyak 27.3% disumbangkan terutamanya oleh dividen tambahan daripada PETRONAS. Walau bagaimanapun, bahagian hasil berkaitan petroleum pada 2022 adalah lebih rendah berbanding sumbangan tertinggi yang dicatatkan pada 2009 iaitu 41.3%. Sementara itu, **hasil bukan petroleum** diunjur meningkat sebanyak 8.8% kepada RM207.4 bilion berikutan peningkatan kutipan hasil cukai seiring dengan prestasi ekonomi yang kukuh dan langkah percukaian baharu pada 2022.

Tinjauan 2023

